

SEJARAH TAHUN 4 CIKGU HAKIM

SEJARAH TAHUN 4			
NO	TOPIC	DATE	REMARKS
1	MENGENALI SEJARAH		
2	SAYA DAN KELUARGA		
3	SEJARAH SEKOLAH		
4	SEJARAH TEMPAT TINGGAL		
5	ZAMAN AIR BATU		
6	ZAMAN PRASEJARAH		
7	KERAJAAN MELAYU AWAL		
8	TOKOH TERBILANG KESULTANAN MELAYU MELAKA		
9	PENGASAS KESULTANAN MELAYU MELAKA		
10	TUN PERAK BENDAHARA TERBILANG		
11	HANG TUAH LAKSAMANA TERBILANG		



TOKOH TERBILANG KESULTANAN MELAYU MELAKA

Pengasas Kesultanan Melayu Melaka

Sumber

- *Sulalatus Salatin* – Sultan Iskandar Shah ialah pengasas Kesultanan Melayu Melaka.
- *Suma Oriental* – Parameswara ialah pengasas Kesultanan Melayu Melaka.

Latar Belakang Parameswara

Parameswara ialah putera raja kerajaan Melayu dari Palembang.



Kerajaan Majapahit mahu menyerang Palembang kerana Parameswara cuba membebaskan Palembang daripada jajahan Majapahit.

Pengembaraan Parameswara Membina Kerajaan

Parameswara dan pengikutnya meninggalkan Palembang menuju ke Temasik kerana diserang oleh kerajaan Majapahit.



Parameswara membunuh Temagi kerana hendak menjadi pemerintah Temasik. Siam amat marah kerana Temasik di bawah naungannya lalu menyerang Parameswara.

Parameswara melarikan diri ke Muar tetapi mendapati Muar tidak sesuai dijadikan kerajaan.



Parameswara dan pengikutnya meneruskan perjalanan sehingga tiba di Sening Ujong. Parameswara melantik seorang wakil pemerintah di Sening Ujong.

Peristiwa Pembukaan Melaka

- Parameswara dan pengikutnya belayar meninggalkan Sening Ujong hingga tiba di Sungai Bertam. Beliau ternampak sebuah perkampungan nelayan lalu singgah di situ.
- Semasa berburu, Parameswara melihat pelanduk putih menendang anjing perburuannya sehingga jatuh ke dalam sungai.
- Peristiwa tersebut dianggap luar biasa kerana seekor haiwan yang kecil dapat mengalahkan haiwan yang besar.
- Beliau menganggap tempat tersebut amat bertuah dan sesuai dijadikan sebuah negeri.
- Oleh itu, beliau menamakan tempat tersebut sebagai Melaka bersempena nama pokok tempat baginda bersandar.




➤ BAHAGIAN A

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Siapakah pengasas Kesultanan Melayu Melaka berdasarkan buku berikut?

Buku
Teks
ms. 122



- A Temagi
- B Parameswara
- C Sultan Mansur Shah
- D Sultan Iskandar Shah

2. Apakah sumber yang menyatakan Sultan Iskandar Shah ialah pengasas Kesultanan Melayu Melaka?

Buku
Teks
ms. 122

- A *Suma Oriental*
- B *Sejarah Melaka*
- C *Sulalatus Salatin*
- D *Hari Ini Dalam Sejarah*

3. Siapakah penulis *Sulalatus Salatin*?

Buku
Teks
ms. 122

- A Tun Perak
- B Tome Pires
- C Parameswara
- D Tun Sri Lanang

4. Parameswara merupakan putera raja kerajaan Melayu dari

Buku
Teks
ms. 123

- A Temasik
- B Srivijaya
- C Majapahit
- D Palembang

5. Mengapakah Majapahit mahu menyerang Palembang?

Buku
Teks
ms. 123

- A Majapahit mahu membalas dendam
- B Palembang mahu membebaskan diri
- C Palembang tidak mahu membantu Majapahit
- D Puteri Palembang enggan mengahwini Raja Majapahit

6. Antara berikut, yang manakah kepimpinan Parameswara yang boleh dicontohi?

Buku
Teks
ms. 123

- I Jujur
- II Ikhlas
- III Bijaksana
- IV Berwawasan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


7. Temasik merupakan nama lama bagi negara

Buku
Teks
ms. 123

- A Thailand
- B Singapura
- C Indonesia
- D Tanah Melayu

8. Rajah berikut menunjukkan perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka.

Buku
Teks
ms. 124



Apakah X?

- A Majapahit
- B Temasik
- C Kampar
- D Siam

9. Siapakah wakil kerajaan Siam yang memerintah Temasik?

Buku
Teks
ms. 124

- A Temagi
- B Tun Perak
- C Hang Tuah
- D Tun Sri Lanang

10. Mengapakah Parameswara mendapati Temasik sesuai dijadikan kerajaan?

Buku
Teks
ms. 124

- A Penduduknya yang setia
- B Kaya dengan sumber alam
- C Kedudukannya yang strategik
- D Terletak di kawasan pedalaman

11. Mengapakah Parameswara membunuh Temagi?

Buku
Teks
ms. 124

- A Ingin membalas dendam
- B Mahu menjadi pemerintah di Temasik
- C Tidak dibenarkan tinggal di Temasik
- D Membebaskan Temasik daripada Siam

12. Apakah tindakan pemerintah Siam apabila Temagi dibunuh?

Buku
Teks
ms. 125

- A Menyerang Parameswara di Temasik
- B Melantik Parameswara sebagai pemerintah
- C Meminta Parameswara membayar ganti rugi
- D Menyerahkan Temasik kepada Parameswara

13. Parameswara dan pengikutnya telah meninggalkan Temasik dan menuju ke Muar.

Buku
Teks
ms. 125

Mengapakah Parameswara bertindak sedemikian?

- A Kedudukan Muar lebih strategik
- B Temasik tidak berkembang maju
- C Ancaman daripada kerajaan Siam
- D Muar bebas daripada ancaman musuh

14. Apakah alasan Parameswara menyatakan Muar tidak sesuai dijadikan pusat pemerintahan?

Buku
Teks
ms. 126

- A Banyak biawak
- B Jajahan Majapahit
- C Jauh di pedalaman
- D Diancam oleh kerajaan Siam

15. Di manakah letaknya perkampungan nelayan yang disinggahi oleh Parameswara?

Buku
Teks
ms. 126

- A Muar
- B Temasik
- C Sungai Bertam
- D Sening Ujong

16. Mengapakah Parameswara memilih tempat beliau berehat untuk membina sebuah negeri?

Buku
Teks
ms. 127

- A Mudah untuk berburu binatang
- B Kagum dengan peristiwa yang disaksikan
- C Kawasan terlindung daripada tiupan angin
- D Wilayah yang bebas daripada ancaman Siam

17. Apakah nama pokok Melaka dalam bahasa Sanskrit?

Buku
Teks
ms. 128

- A *Malaqa*
- B *Muafakat*
- C *Amalaka*
- D *Malakat*

18. Berdasarkan sumber Arab, Melaka disebut sebagai *Malakat*.

Buku
Teks
ms. 129

Apakah maksud *Malakat*?

- A Pelanduk putih
- B Tempat perlindungan
- C Perhimpunan segala dagang
- D Pohon pertama di alam semesta

19. Apakah keistimewaan Melaka?

Buku
Teks
ms. 130

- I Kedudukan strategik
- II Kaya dengan hasil bumi
- III Bebas daripada ancaman musuh
- IV Terlindung daripada angin monsun
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20. Apakah faktor yang menyebabkan kerajaan asing berminat menjalin hubungan diplomatik dengan Melaka?

Buku
Teks
ms. 131


- A Tidak dikenakan sebarang cukai
- B Pentadbiran cekap dan terbuka
- C Kekayaan hasil hutan dan hasil laut
- D Rakyat Melaka yang bersopan santun

➤ BAHAGIAN B

Struktur Masyarakat pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka

1. Lengkapkan struktur masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. TP 1

Buku
Teks
ms. 106



A	
B	
C	
D	
E	

[5 markah]

2. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul. TP 2

Buku
Teks
ms.
106-107



- (a) Struktur masyarakat Kesultanan Melayu Melaka terbahagi kepada golongan pemerintah dan golongan _____.
- (b) Sultan merupakan pemerintah _____ dalam pentadbiran negeri.
- (c) Pembesar dilantik oleh sultan untuk membantu urusan _____.
- (d) Rakyat Melaka menjadi pengikut _____ kepada sultan dan pembesar.
- (e) Hamba merupakan orang _____ kepada sultan dan pembesar.

[5 markah]

Kenali Tokoh Terbilang

3. Padankan sumbangan berikut dengan tokoh yang betul. TP.2Buku
Teka
ms. 109

Parameswara

Bendahara Tun
PerakLaksamana Hang
Tuah

Sultan Muzaffar Shah

Sultan Mansur Shah

(a) Menjamin keselamatan perairan Melaka.

(b) Mengasaskan Kesultanan Melayu Melaka.

(c) Melaksanakan sistem perundangan yang tersusun.

(d) Menunjukkan kesetiaan yang tinggi terhadap pemerintah.


(e) Menjadikan Melaka sebagai pusat penyebaran agama Islam.

[5 markah]

Peranan Tokoh Terbilang

4. Lengkapkan rajah berikut tentang peranan Sultan Melaka. TP 3

Buku
Teks
ms.
110-111



5. Nyatakan sama ada tugas berikut dilakukan oleh Bendahara atau Laksamana. TP 3

Buku
Teks
ms.
112-115

Tugas	Peranan
(a) Menjaga keamanan perairan Melaka.	
(b) Menjadi ketua diplomat dan ketua hakim.	
(c) Merupakan pengawal peribadi sultan.	
(d) Merupakan penasihat sultan dalam pentadbiran.	
(e) Mengetuai utusan rasmi ke luar negara dan menjadi duta.	

[5 markah]

➤ BAHAGIAN C

Struktur Masyarakat pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka

1. (a) Nyatakan dua golongan yang dikategorikan sebagai golongan pemerintah. TP2

[2 markah]

- (b) Apakah kesan jika hubungan golongan pemerintah dengan golongan diperintah tidak baik? KBAT Menilai

[3 markah]

Kenali Tokoh Terbilang

Tokoh Terbilang memainkan peranan penting dalam kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.

2. (a) Namakan satu pembesar yang merupakan tokoh terbilang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. TP1

[1 markah]

- (b) Nyatakan dua sumbangan Parameswara kepada Kesultanan Melayu Melaka. TP2

[2 markah]

- (c) Bagaimanakah cara untuk menghargai sumbangan tokoh terbilang Kesultanan Melayu Melaka? KBAT Mencipta

[2 markah]